



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**GARIS PANDUAN**  
**SKIM GERAN PENYELIDIKAN NIC**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**(NRGS-KPM)**  
*(NICHE RESEARCH GRANT SCHEME)*

(PINDAAN TAHUN 2014)

BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT  
JABATAN PENGAJIAN TINGGI  
ARAS 7, NO.2, MENARA 2  
JALAN P5/6, PRESINT 5  
62000 PUTRAJAYA.  
No. Tel: 03-8870 6973 / 6974  
No. Faks: 03-8870 6867

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>Visi dan Misi Penyelidikan Fundamental</b>	<b>3</b>
<b>Tujuan NRGS-KPM</b>	<b>4</b>
<b>Mekanism Pengurusan Dana</b>	<b>4</b>
Penilaian	
Agihan Peruntukan	
Pemantauan Projek	
<b>Universiti Komprehensif dan Komprehensif Berfokus</b>	<b>5</b>
<b>Syarat Permohonan</b>	<b>6</b>
<b>Tempoh Penyelidikan</b>	<b>6</b>
<b>Hasil Penyelidikan</b>	<b>6</b>
<b>Peraturan Permohonan</b>	<b>7</b>
<b>Kriteria Penilaian</b>	<b>7</b>
<b>Peraturan Kewangan</b>	<b>7 – 10</b>
<b>Pemberitahuan Keputusan Dan Pengagihan Peruntukan</b>	<b>11</b>

## **VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL**

### **Visi**

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing untuk transformasi ilmu dan kecemerlangan negara

### **Misi**

Membudaya, memperkasa dan melestarikan kapasiti penyelidikan berimpak tinggi bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap perkembangan modal insan, peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan peradaban yang dinamik.

## **1.0 TUJUAN NRGS-KPM**

Skim Geran Penyelidikan Nic Kementerian Pendidikan Malaysia (NRGS-KPM) ialah dana khas yang bertujuan untuk membantu melonjakkan dan membangunkan bidang tujuan (*Niche*) penyelidikan bagi setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berstatus Universiti Komprehensif dan Universiti Komprehensif Berfokus. Disamping itu, NRGS-KPM ini akan menjadikan setiap IPTA tersebut unik dan mempunyai kekuatan tersendiri.

Setiap Universiti komprehensif dan komprehensif berfokus akan diberi tanggungjawab untuk menentukan hala tuju, strategi dan pengurusan penyelidikan dan inovasi supaya lebih berkesan dan berimpak tinggi.

## **2.0 MEKANISMA PENGURUSAN NRGS-KPM**

### **2.1 PENILAIAN**

Penilaian dalaman dilakukan di peringkat Universiti melalui jawatankuasa teknikal dan jawatankuasa penyelidikan atau setara. Penilaian di peringkat Kementerian dilakukan secara pembentangan.

### **2.2 AGIHAN PERUNTUKAN**

Dana NRGS-KPM akan diagihkan terus kepada Universiti. Sebanyak RM11 juta telah diperuntukkan kepada 11 buah IPTA berstatus Universiti Komprehensif dan Komprehensif berfokus. Sejumlah RM1 juta akan diagihkan kepada setiap Universiti yang terlibat.

### **2.3 PEMANTAUAN PROJEK**

- i. Pemantauan kemajuan penyelidikan di peringkat Universiti dan perlu dibentangkan kepada KPM setiap tahun
- ii. Laporan kemajuan perlu dihantar kepada KPM.
- iii. Laporan akhir penyelidikan (berbentuk *hardcopy* dan *softcopy*) perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan format KPM yang merangkumi:-

- a) Ringkasan penyelidikan dan penemuan
- b) Laporan Kewangan
- c) Laporan Aset
- d) Hasil (disertakan bahan bukti)
  - a. Modal insan (nama individu dan peringkat pengajian)
  - b. Penerbitan (dalam jurnal yang diiktiraf)
  - c. Harta intelek

### **3.0 UNIVERSITI KOMPREHENSIF DAN KOMPREHENSIF BERFOKUS**

11 buah IPTA yang terlibat adalah seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Nama IPTA</b>	<b>Status</b>
1	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Komprehensif
2	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	Komprehensif
3	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Komprehensif
4	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	Komprehensif
5	Universiti Utara Malaysia (UUM)	Komprehensif Berfokus
6	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Komprehensif Berfokus
7	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	Komprehensif Berfokus
8	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	Komprehensif Berfokus
9	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	Komprehensif Berfokus
10	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	Komprehensif Berfokus
11	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	Komprehensif Berfokus

## **4.0 SYARAT PERMOHONAN**

Dana ini terbuka kepada kakitangan akademik (pensyarah) di **Institusi Pengajian Tinggi Awam berstatus Universiti Komprehensif dan Universiti Komprehensif berfokus** dengan syarat-syarat berikut:-

- 4.1 Program penyelidikan mesti diketuai oleh **Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCP&I)** atau setaraf. Pengurusan program penyelidikan Nic perlu penglibatan penuh dan komitmen TNCP&I atau setaraf.
- 4.2 Dianggotai oleh kakitangan akademik tetap dan warganegara Malaysia di IPTA terlibat.
- 4.3 Pensyarah sedang cuti belajar tidak dibenarkan untuk memohon dan menjalankan penyelidikan.

## **5.0 TEMPOH PENYELIDIKAN**

Tempoh penyelidikan adalah tiga (3) hingga lima (5) tahun sahaja.

## **6.0 HASIL PENYELIDIKAN**

**Hasil Penyelidikan perlu merangkumi tiga (3) perkara berikut dan bilangannya ditentukan oleh setiap IPT .**

- i. Modal Insan (PhD dan Master)
- ii. Penerbitan berimpak tinggi
- iii. Harta Intelek (IP)  
IP merangkumi paten (*Patent*), Hakcipta (*Copyright*), Rekabentuk Perindustrian (*Industrial Design*), Rekabentuk Susun Atur Litar Bersepadu (*layout Design of Integrated Circuit*), Cap Dagangan (*Trademarks*).

## **7.0 PERATURAN PERMOHONAN**

- 7.1 Permohonan NRGS-KPM perlu menggunakan Borang yang disediakan oleh pihak Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia
- 7.2 Permohonan untuk NRGS KPM dibuka kepada projek penyelidikan yang menjurus bidang tujuan penyelidikan yang ditetapkan dan menepati syarat permohonan.

## **8.0 KRITERIA PENILAIAN**

- 8.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baru; dan
- 8.2 Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
- 8.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- 8.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

## **9.0 PERATURAN KEWANGAN**

### **9.1 Vot 11000 - Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)**

- 9.1.1 Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2300 untuk pelajar Ph.D dan RM1800 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT

## **9.2 Vot 21000 - Perjalanan dan Pengangkutan**

- 9.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.
- 9.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:-
- 9.2.2.1 Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua dan ahli kumpulan penyelidikan sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.
- i. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/ seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
  - ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
  - iii. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.
  - iv. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.
- 9.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan projek.

### **9.3   Vot 24000 - Sewaan**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

### **9.4   Vot 27000 - Bekalan dan Bahan Penyelidikan**

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

### **9.5   Vot 28000 - Baik pulih kecil dan ubahsuai**

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

### **9.6   Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas**

a. Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

b. (Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

### **9.7   Vot 35000 - Aksesori dan Peralatan**

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap

permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% dari peruntukan geran.

## **10.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN**

- 10.1 Surat kelulusan Projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT.
- 10.2 Pembayaran akan dibuat oleh Kementerian kepada IPT setelah surat kelulusan NRGS-KPM dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan Jawatankuasa.
- 10.3 Sebanyak 3% daripada jumlah kelulusan geran akan digunakan bagi tujuan pemantauan di universiti masing-masing.
- 10.4 Keputusan Jawatankuasa Induk NRGS-KPM adalah muktamad.

**Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:**



**URUS SETIA NRGS-KPM**

**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT**

**JABATAN PENGAJIAN TINGGI**

**ARAS 7, NO.2, MENARA 2**

**JALAN P5/6, PRESINT 5**

**62000 PUTRAJAYA.**

**NO. TEL: 03-8870 6973/6974**

**NO. FAKS: 03-8870 6867**